

# Jambatan baharu di Pengkalan Kubor atasi 'banjir termenung'

➔ Projek dianggar bernilai RM10 juta atasi masalah air bah tidak dapat mengalir keluar

Oleh Anwar Husin, Rosli Abdul Jalil, Hanneeyzah Bariah Baharin dan Nor Fazlina Abdul Rahim  
bhnews@bh.com.my

## Tumpat

**D**atuk Seri Najib Razak mempertimbangkan cadangan pembinaan jambatan baharu sepanjang lebih 30 meter di Jalan Kesban, Kampung Nibong, Pengkalan Kubor, yang dianggarkan bernilai RM10 juta, bagi mengatasi masalah 'banjir termenung' di daerah itu.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, jawatankuasa teknikal Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengkaji kesesuaian jambatan berkenaan.

"Sekiranya jambatan berkenaan sesuai dan perlu diguna, saya akan menyediakan peruntukan yang membabitkan perbelanjaan sekitar RM9 hingga RM10 juta, supaya masalah banjir termenung dapat diatasi.

"Cadangan pembinaan jambatan baharu itu disuarakan Pemangku Ketua UMNO Bahagian Tumpat, Datuk Mohd Rosdi Abdul Aziz memandangkan daerah berkenaan sering dilanda banjir termenung akibat tiada sa-

**Najib meriba bayi mangsa banjir, Nur Fadliyana Qaisara Mohd Fadli, 18 bulan** ketika melawat Pusat Pemindahan Banjir SK Banggol Peradong, Manir, semalam. Yang turut serta, Ahmad Razif (kanan) dan Shahidan (dua dari kanan).

**Fakta nombor**

**5,852**

**MANGSA**

banjir di Kelantan

**1,342**

**MANGSA**

banjir di Terengganu



[FOTO ROZAINAH ZAKARIA/BH]

liran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Bunohan yang menempatkan 647 mangsa banjir.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Banjir di Tumpat dipanggil banjir termenung disebabkan air yang terkepung dan tidak dapat mengalir keluar.

Perdana Menteri berkata, antara langkah tambahan yang perlu di-

lakukan bagi jangka masa panjang termasuk projek tebatan banjir bernilai RM300 juta yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

## Sedia kemudahan tambahan

"Selain itu, kita juga akan melaksanakan konsep di mana beberapa sekolah yang dikenal pasti jadi pusat pemindahan akan disediakan dengan kemudahan tambahan seperti tandas dan tempat mandi.

"Kita akan memperluaskan di beberapa sekolah lain dan pihak sekolah boleh menggunakan kemudahan berkenaan sekiranya tiada banjir. Inilah konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu bukan sa-

haja beri pendidikan kepada anak-anak, sebaliknya disediakan kemudahan pada waktu banjir.

Di **Kuala Terengganu**, Perdana Menteri melawat dua pusat pemindahan di Manir dan Kuala Nerus yang menempatkan 883 mangsa banjir.

Selain itu, Najib yang diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman mendengar taklimat mengenai situasi terkini banjir yang disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wan Nawawi Wan Ismail.

Perdana Menteri turut menyerahkan sumbangan kit makanan kepada mangsa banjir di SK Banggol Peradong, Manir dan SK Bukit Guntong, Kuala Nerus.